

selamatbercuti.com

9H7M

CLASSICAL TURKIYE

Istanbul – Bursa – Pamukkale – Konya – Cappadocia
Ankara - Bolu - Istanbul



Fiesta!
Melancong Mega

9H7M

CLASSICAL TURKIYE

Istanbul - Bursa - Pamukkale - Konya - Cappadocia
Ankara - Bolu - Istanbul

21 MAY 2024

30 MAY 2024

HARI 1 KUALA LUMPUR - ISTANBUL

MOB/MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan terus ke Istanbul. Setibanya di Istanbul, bertolak menuju ke Bursa.

Lawatan di **Bursa**:

- Green Mosque:** Masjid yang dibina pada tahun 1412 oleh atuk Sultan Mehmed I Celebi selepas kejayaan baginda menyatukan empayar Uthmaniyyah.
- Green Tomb:** Makam Sultan Mehmed I Celebi yang merupakan Sultan ke-5 empayar Uthmaniyyah dibina pada tahun 1421.
- Ulu Camii Mosque:** Masjid berusia lebih 600 tahun yang cukup bersejarah pada zaman Uthmaniyyah dibina pada tahun 1399.
- Silk Bazaar Koza Han:** Sebuah pasar lama yang terkenal dengan perdagangan barang kain sutera sejak dari tahun 1491 sehingga ke hari ini.

Makan malam dan daftar masuk hotel. Bermalam di Bursa.

HARI 2 BURSA - PAMUKKALE

SP/MM

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.

Bertolak ke Pamukkale. Lawatan ke:

- Ancient Hierapolis City:** Kota lama peninggalan zaman Greek sejak awal kurun ke-2 lagi. Antara bangunan yang masih lagi utuh ialah Frontinus Gate, The Great Baths, Theatre, Temple of Apollo dan Cleopatra's Pool di mana air kolam panasnya masih lagi semulajadi kekal ke hari ini.
- Cotton Castle:** Teres-teres kolam air panas yang berwarna putih seakan kapas terbentuk secara semulajadi di lereng gunung ini dan beserta boleh berendam kaki di dalam kolam air panas ini.
- Membeli-belah di **Cotton Textile Factory Outlet**.

Makan malam dan daftar masuk hotel. Bermalam di Pamukkale.

UCHISAR CASTLE



HAGIA SOFIA

selamatbercuti.com


FIESTA 11
Melancong Mega

HARI 3 PAMUKKALE - KONYA - CAPPADOCIA

SP/MM

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.

Bertolak ke Konya. Lawatan ke:

- Mevlana Museum:** Mempelajari sejarah perkembangan agama Islam di Turki oleh golongan sufi sunni yang terkenal dengan upacara keagamaan Whirling Dervish dan juga koleksi barang Sultan Uthmaniyyah.
- Ancient Caravanserai:** Dahulunya hotel bagi para saudagar yang melalui Silk Road dan berusia lebih 700 tahun.

Meneruskan perjalanan ke Cappadocia. Makan malam dan daftar masuk hotel. Bermalam di Cappadocia

HARI 4 CAPPADOCIA

SP/MM

Sarapan pagi di hotel. Lawatan di **Cappadocia**:

- Underground City:** Merasai pengalaman unik masuk ke kota bawah tanah di mana pernah satu ketika 15,000 orang tinggal di dalam kota bawah tanah ini bagi mengelak serangan musuh.
- Goreme, Pigeon dan Devrent Valleys:** Menikmati pemandangan panorama lembah gunung berbatu yang amat indah di sini dengan formasi batuan yang unik.
- Uchisar Castle:** Melihat keunikan rumah batu ala The Flintstones yang menjadi penempatan dan kota pertahanan penduduk di sini sejak dari kurun ke-12.
- Melihat cara pembuatan karpet Turki secara tradisional yang diwarisi sejak ribuan tahun dahulu di **Carpet Factory**.
- Melawat kilang pembuatan barang tembikar di **Avanos Pottery & Art Center** dan galeri pemprosesan batu permata **Turquoise & Onyx Handmade Store**.

Makan malam dan bertolak pulang ke hotel. Bermalam di Cappadocia

HARI 5 CAPPADOCIA - ANKARA - BOLU

SP/MM

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.

Bertolak ke **Ankara**, Lawatan ke:

- Ataturk Mausoleum Complex:** Kompleks yang dibina untuk mempersembahkan sejarah perjuangan, barang peribadi dan pemakaman Mustafa Kemal Ataturk.
- Lake Tuz** yang juga dikenali sebagai Salt Lake dan Pink Lake merupakan tasik ke-2 yang terbesar di Turki.

Bertolak ke Bolu. Makan malam dan daftar masuk hotel. Bermalam di Bolu.

HARI 6 BOLU - ISTANBUL

SP/MM

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.

Bertolak ke **Istanbul**, Lawatan ke:

- Topkapi Palace (First Courtyard):** Kawasan istana kediaman kesultanan empayar Uthmaniyyah yang menghadap Lautan Marmara siap dibina pada tahun 1465 ketika pemerintahan Sultan Muhammad Al Fatih.
- Menaiki kapal persiaran persendirian **Bosphorus Cruise Tour** menyusuri sepanjang Selat Bosphorus dan melihat beberapa tarikan bersejarah di sepanjang tebing belah Eropah dan Asia seperti Rumeli Hisarı yang merupakan kota pertahanan utama dibina sejak tahun 1452 ketika Sultan Al Fatih sedang menakluki Constanthinople, Anadoluhisarı iaitu kota pertahanan pertama di laut ini dibina pada tahun 1393, pejabat pentadbiran Uthmaniyyah dan Turki moden Dolmabahçe Palace yang dibina pada tahun 1856 oleh Sultan Uthmaniyyah yang ke 31 dan Ortakoy Mosque yang merupakan masjid yang paling terkenal di Selat Bosphorus ini dibina sejak tahun 1854.

- Spice Bazaar:** Tumpuan utama membeli pelbagai jenis rempah ratus dan makanan tradisi Turki seperti Turkish Delight sejak tahun 1660.

Makan malam dan daftar masuk hotel. Bermalam di Istanbul.

HARI 7 ISTANBUL

SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel.

Lawatan ke **Istanbul**:

- Grand Camlica Mosque:** Masjid yang terbesar di Turkiye yang siap dibina pada tahun 2019 boleh menempatkan sehingga 63,000 jemaah dalam satu masa.
- Abu Ayyub al-Ansari Mosque:** masjid tersemadinya makam sahabat Rasulullah SAW iaitu Abu Ayyub Al Ansari yang syahid pada tahun 674 ketika peperangan menakluki Constantinople.
- Masa bebas untuk membeli cenderamata di **Grand Bazaar** merupakan antara pasar yang terbesar dan tertua di dunia dibina bermula pada tahun 1455 dengan sejumlah lebih 4,000 buah kedai.
- Suleymaniye Mosque**, salah satu masjid yang dibina semasa pemerintahan Ottoman dan antara yang tercantik di Turki.
- Membeli-belah barang kulit di **Leather Shop Outlet** kerana Turki terkenal sebagai antara negara terulung dalam penghasilan kulit.

Makan malam dan bertolak pulang ke hotel. Bermalam di Istanbul.

HARI 8 ISTANBUL - KUALA LUMPUR

SP/MT/MOB

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.

Lawatan di **Istanbul**:

- Blue Mosque:** Merupakan ikon kota Istanbul dibina pada tahun 1616 dengan 6 buah menara dan 5 kubah besar.
- Hippodrome:** Kawasan yang pernah menjadi gelanggang lumba kereta kuda pada zaman Byzantine.
- Hagia Sofia Grand Mosque:** Merupakan sebuah gereja pada kurun ke-5 sebelum ditukar menjadi masjid selepas penaklukan Constantinople. Menjadi muzium semasa zaman Ataturk dan kini ditukar menjadi masjid semula
- Membeli belah di **Taksim Square**, destinasi popular untuk pelancong serta penduduk Istanbul. Dataran ini ialah tempat pertemuan untuk penduduk tempatan yang dipenuhi dengan restoran, kedai dan hotel, di mana anda akan benar-benar merasai pengalaman Istanbul moden.

Bertolak ke Lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 9 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada jam 07:10 pagi



HOTEL PENGINAPAN

LOKASI	BIL MALAM	NAMA HOTEL
Bursa	01	4* Koza Hotel atau setaraf
Pamukkale	01	4* Tripolis Hotel atau setaraf
Cappadocia	02	4* Alp Hotel atau setaraf
Bolu	01	4* Elifim Resort Hotel atau setaraf
Istanbul	02	4* Golden Way Hotel atau setaraf

PENERBANGAN

TURKISH AIRLINES

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	TK 63	KUL - IST	0850	1430
08	TK 62	IST - KUL	1550	0710+1

JADUAL HARGA

TIER	ADULT SINGLE	ADULT TWIN	CHILD TWIN	CHILD W/ BED	CHILD NO BED
NORMAL	7,190	6,190	6,190	5,590	4,990
WE NORMAL	7,140	6,140			
PROMO	6,490	5,490	5,290	4,890	4,390
WE PROMO	6,490	5,450			

PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan cukai penerbangan.
- Hotel penginapan bertaraf 4* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan) termasuk cukai bandar.
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran persendirian Bosphorus Cruise Tour.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Underground City dan Ancient Hierapolis City.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman sepanjang lawatan.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Percaya edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn Bhd.

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Tiket masuk ke Topkapi Palace Museum dan lain-lain tiket masuk lawatan yang tidak dinyatakan.
- Harga lawatan tambahan (optional tour):
Hot Air Balloon (Cappadocia): USD 280 / Pax
Hot Air Balloon (Pamukkale): USD 230 / Pax
Jeep Safari (2 Jam): USD 100 / Pax
Turkish Night Show (Cappadocia): USD 60 / Pax
- Insurans kembara (travel insurance) – sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcay tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

LAIN - LAIN

Wan Vacation Sdn Bhd **berhak melakukan sebarang **perubahan** pada aturcara perjalanan yang disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka, terutamanya semasa tempoh '**peak season**' atau dalam kes '**force majeure**'.



